

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERTAHANAN DALAM SIRI
CERAMAH "MALAYA BARU" ATAS TAJUK
"MEMPERTAHANKAN NEGARA" MELALUI
RADIO MALAYA PADA 2HB OKTOBER, 1961

Sejak sejarah mula tercatat, tiap-tiap sebuah negara mestilah sentiasa waspada dan berjaga-jaga jika ianya hendak mengekalkan cara hidup serta cita-citanya sendiri. Sesebuah negara yang lemah dan tidak menunjukkan keazaman dalam hal ini, akan mendedahkan dirinya kepada serangan secara langsung oleh sesebuah negara lain, atau kepada anasir-anasir jahat dan sebagainya. Jadi, tiap-tiap sebuah negara menyatakan bahawa ianya suka kepada perdamaian, dari itu kita tentu berkata, maka tidak ada sebab mengapa kita hams bersedia mempertahankan dari perbuatan menceroboh itu. Sebenarnya tiap-tiap negara berkehendakkan perdamaian, akan tetapi setengah-setengah negara berkehendakkan perdamaian dengan syarat-syarat dan cara-caranya. Oleh sebab itu, tiap-tiap negara mestilah gagah perkasa baik dari segi moral mahupun pada hakikatnya, guna mengekalkan keamanan dan juga supaya dapat membuat sumbangannya terhadap keamanan. Gagah perkasa dari segi moral bererti negara yang bahagia dan sentosa dalam mana terdapat kemajuan dan perkembangan di sepanjang masa. Gagah perkasa pada hakikatnya bererti kekuatan tentera serta sentiasa bersedia untuk mempertahankan apa jua yang dianggapkannya benar. Kekuatan pasukan tentera pertahanan sesebuah negara yang mampu untuk mengadakannya, bergantung kepada dua perkara, iaitu ancaman pencerobohan yang harus dipertahankan oleh negara itu dan keduanya kepada tenaga upayanya sendiri.

Di dunia yang berpecah-belah dan yang tenang keadaannya, yang kita diami ini, ada terdapat faham-faham ataupun ideoloji-ideoloji yang berlumba-lumba dan berlawan-lawan, corak hidup yang berbeza-beza serta ukuran penilaian-penilaian yang berlainan. Kita yang percaya kepada demokrasi menaruh keyakinan kepada kebebasan seseorang manusia memiliki beberapa hak asasi, akan tetapi orang-orang yang berfaham komunis menentang keras kepada kebebasan perseorangan itu. Tujuan faham komusis ialah untuk menarik semua manusia ke jurang penghidupan komunis.

Maksud ini adalah diusahakan terus menerus, sebilang waktu serta dengan apa cara yang mudah dan perlu, tidak mengirakan apa-apa asalkan sahaja tujuan itu dapat dicapai. Kita yang tinggal di negeri ini telah melihat sendiri tindakan komunis dilakukan, dengan jalan keganasan untuk mencapai maksudnya. Walaupun begitu, bersyukurlah kita ke hadrat Allah S.W. juga kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Pasukan-pasukan Keselamatan serta kepada peranan rakyat kita sendiri, hingga dapat kita menamatkan keganasan komunis itu. Kita juga telah menyaksikan bagaimana pihak komunis telah cuba meresap fahaman-fahaman-nya ke sekolah-sekolah, ke kesatuan-kesatuan sekerja (Trade Unions), dan lain-lain pertubuhan dengan menggunakan cara-cara yang halus dan pintar. Sesungguhnya, mereka adalah berusaha meresap ke seluruh cara hidup kita. Dari itu kita harus sentiasa berjaga-jaga menentang mereka dan terpaksa mempunyai pasukan-pasukan tentera yang lengkap bagi menjamin keamanan, ketenteraman dan kebahagiaan untuk rakyat negeri kita ini.

Kaedah peperangan dan cara menggunakan senjata semenjak beberapa tahun yang baru lalu ini telah diperbaiki dengan kuatnya. Pada masa yang lalu sesebuah negara itu dapat mengadakan pasukan tentera yang mencukupi dengan menggunakan hasil pendapatan negerinya sendiri. Di zaman ini, perbelanjaan untuk mengadakan pasukan-pasukan pertahanan amatlah tinggi, sebegitu tinggi hingga bolehlah dikatakan tidak mampu untuk berbuat demikian. Hanyalah Amerika Syarikat dan Soviet Union barangkali sahaja di dunia ini, yang boleh mengakui dapat mengadakan pasukan-pasukan tenteranya dengan kekuatan yang sempurna bagi mempertahankan negara masing-masing. Lain-lain negeri, selain daripada membantu Bangsa-bangsa Bersatu, terpaksa bekerjasama di antara satu dengan lain membentuk pakatan-pakatan keselamatan seperti NATO, CENTO dan SEATO. Mengenai Persekutuan Tanah Melayu, negara kita ini bolehlah dikatakan sebuah negara yang kecil yang menghadapi banyak tuntutan-tuntutan ke atas hasil pendapatan kita. Kita terpaksa menumpu segala usaha-usaha kita kepada meninggikan dan memperbaiki lagi taraf hidup rakyat negeri ini dan menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat untuk masyarakat yang perlu bagi sesebuah negara yang merdeka dan bertamaddun. Dari itu, kita hanyalah mampu mengadakan pasukan pertahanan yang kecil sahaja dan mestilah bergantung kepada pertolongan-pertolongan

sahabat-sahabat kita dalam soal pertahanan luar negeri kita, bila-bila masa kita kehendaki. Sebab itulah, elok sahaja kita mencapai kemerdekaan, kita telah memasuki satu pakatan pertahanan saling membantu dengan Kerajaan United Kingdom yang disertai juga oleh Kerajaan-kerajaan Australia, dan New Zealand. Menurut Pakatan Pertahanan ini, Kerajaan United Kingdom mengaku mempertahankan negara kita dari serangan luar. Dari itu, kita telah membenarkan pasukan-pasukan tentera British dan Commonwealth berada di negeri ini kerana kepentingan pertahanan negeri kita dan juga lain-lain wilayah taklok British dalam Kawasan Timur Jauh ini.

Dengan hal yang demikian, maka sudah menjadi dasar pertahanan kita iaitu untuk membantu terhadap satu usaha lingkungan Commonwealth bersama, dalam soal mempertahankan negara-negara kita dan wilayah-wilayah taklok British di Timur Jauh ini, dan juga guna mengadakan keamanan dan keselamatan dalam negara kita, supaya dapat memastikan bahawa kuasa Kerajaan yang adil dapat dijalankan dengan berkesan sama sekali, di mana juga tempat-tempat di Persekutuan Tanah Melayu ini, termasuk juga kawasan-kawasan laut sekeliling Tanah Air kita ini.

Pasukan Pertahanan kita terdiri daripada tiga cabang ketenteraan tertentu, iaitu Tentera-tentera Laut, Darat dan Udara. Tiap-tiap satu bahagian ini mempunyai satu kumpulan pegawai dan seldadunya yang tetap dibantu pula oleh pasukan simpanan iaitu seldadu-seldadu tambahan yang berkhidmat dengan panji-panji masing-masing akan tetapi mereka adalah mesti sedia jika dipanggil untuk membantu semasa negara menghadapi keadaan darurat. Selain daripada itu, ketiga-tiga perkhidmatan ini mempunyai pasukan-pasukan sukarela secara sambil-sambilan yang terdiri daripada orang-orang awam yang mengambil bahagian dalam latihan tentera sebagai seldadu-seldadu daerah atau sukarela tambahan yang bersedia untuk dipanggil apabila perlu.

Tentera Darat adalah yang tertua sekali di antara ketiga-tiga jenis tentera-tentera perkhidmatan—Askar Melayu telah dibentuk semenjak tahun 1932. Setelah beberapa tahun lamanya kekuatan Askar Melayu telah ditambah dan sekarang ini mempunyai tujuh battalion atau pasukan kesemuanya. Pada tahun 1952, Askar Persekutuan telah ditubuhkan yang memberi peluang kepada warganegara yang bukan Melayu untuk menyumbangkan bahagian mereka dalam pertahanan Persekutuan Tanah Melayu. Di masa

itu juga, Askar Kereta Perisai Persekutuan telah ditubuhkan untuk membantu pasukan-pasukan seldadu bersenapang itu. Kemudiannya, kedua-dua jenis Askar iaitu Askar Persekutuan dan Askar Kereta Perisai Persekutuan telah disatukan menjadi satu kumpulan dua pasukan dan diberi nama baru iaitu Pasukan Tentera Peninjau Persekutuan.

Anggota-anggota tentera Darat kita telah membuat jasa yang cemerlang semasa darurat dulu, dan telah menunjukkan kecekapannya dalam upacara-upacara beristiadat. Sungguhpun jumlah kekuatan tentera Darat kita adalah kecil, kita boleh menganggap mereka sebagai lambang kebangsaan negara kita. Selain daripada Askar Melayu dan Pasukan Tentera Peninjau Persekutuan, tentera Darat kita mempunyai tentera dan perkhidmatan-perkhidmatan pembantu yang berupa bahagian-bahagian Isyarat, Jurutera, Meriam, dan juga Pasukan Senggara Tentera Bersenjata serta Pasukan Perkhidmatan Umum. Pasukan Senggara Tentera Bersenjata adalah bertanggungjawab terhadap menyelenggarakan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan. Pasukan Perkhidmatan Umum Tentera Bersenjata pula adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan perkhidmatan Umum dan mengadakan bekalan perubatan, pelajaran, gaji dan juga kemudahan-kemudahan rekod untuk Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Tentera Laut kita telah dibentuk dalam tahun 1958 dengan pindah-aleh Angkatan Tentera Laut Diraja British di Singapura kepada Persekutuan. Angkatan ini adalah merupakan satu pasukan kecil akan tetapi ianya sedang diperkembangkan menjadi satu bahagian yang bebas dan mempunyai kelengkapan-kelengkapan sendiri. Selain daripada kapal-kapal penyapu periuk (mine-sweeper), kapal-kapal yang dipunyai oleh Tentera Laut Persekutuan telah lama dan tidaklah sesuai untuk menjalankan perannya sekarang. Dari itu, langkah-langkah sedang diambil untuk membentuk semula dan memperbaiki Tentera Laut Diraja Persekutuan supaya dapat ianya memenuhi peranannya dengan cara berkesan sekali. Kapal-kapal yang sudah lama itu akan diganti dengan kapal-kapal moden, laju lagi dapat dengan segeranya menuju kepada matlamat dengan kuatnya, khas dibuat untuk kegunaan menjaga lautan di sekeliling Tanah Melayu ini. Kita juga memerlukan kemudahan-kemudahan pengkalan dan pegawai Tentera Laut yang berlatih. Dengan hal yang demikian, sebilangan besar dari seldadu-seldadu kita sedang diberi latihan selengkap-

nya untuk mempersiapkan mereka menjalankan tugas-tugasnya kelak. Kita juga akan memerlukan melengkapi pengkalan kita dengan alat jentera yang paling moden bersedia untuk dipergunakan dan membantu Angkatan Kapal Laut kita. Akan tetapi, untuk mengejar kemajuan ini kita memerlukan masa yang panjang. Adalah diharapkan agar langkah-langkah besar pertama ini terhadap membina Angkatan Tentera Laut Diraja Persekutuan akan dapat diselesaikan dengan segeranya. Kita akan teruskan langkah-langkah yang perlu supaya Angkatan Tentera Laut Persekutuan akan berkembang mengikut landasan yang kokoh sebagai Angkatan Tentera Laut yang seimbang dan bebas, bersedia dan boleh menjalankan peranannya mempertahankan negara kita dan menjaga kawasan laut negara kita.

Angkatan Tentera Udara Diraja Persekutuan, jika dibandingkan dengan lain-lain angkatan tentera adalah baru juga, dan hanya dibentuk dalam tahun 1958. Walau bagaimana pun, banyak diantara pegawai kanan bangsa Malayan telah pun berkhidmat dengan Angkatan Tentera Udara Diraja British dan Angkatan Askar Udara Diraja (Malaya). Pengkalan Angkatan Tentera Udara Persekutuan ialah terletak di Kuala Lumpur, iaitu bekas pengkalan Angkatan Udara Diraja yang baru-baru ini telah diserahkan kembali kepada kita. Peranan tindakannya yang utama sekarang ialah menjatuhkan bekalan-bekalan dan tugas-tugas perhubungan dan ianya sedang diperluaskan lagi untuk memenuhi keperluan-keperluan ini. Perkembangan Angkatan Tentera Udara Di Raja Persekutuan sedang berjalan: sebelas buah kapal terbang baru dijangka akan tiba dalam tahun 1962. Kemajuan yang pesat ini, memerlukan pengambilan orang-orang baru yang banyak dan rancangan-rancangan latihan bagi pemandu-pemandu kapalterbang serta pegawai-pegawai kanan di darat. Usaha mengambil orang-orang baru bolehlah dikatakan memuaskan, dan pusat-pusat latihan telah dibena di Stesyen Angkatan Tentera Udara untuk melateh pemandu-pemandu dan juga juru-juru teknik. Tujuan rancangan perkembangan ini ialah hingga tahun 1963, Angkatan Udara Diraja Persekutuan akan dapat membuat sumbangan yang lebih besar lagi terhadap keperluan-keperluan penerbangan tentera yang penting bagi negara kita. Kepada Pasukan-pasukan Bersenjata, usaha melatih askar-askar adalah yang paling penting sekali. Sekarang ini, dengan berkurangnya tindakan-tindakan menentang pengganas komunis maka Tentera Darat bolehlah menjalankan latihan semula dan latihan-latihan lain. Angkatan-angkatan

Tentera Laut dan Udara sedang berlatih dan menjalankan latihan semula, serta terus menerus membaiki kebolehan mereka menjalankan peranannya dalam soal pertahanan di kebanyakan negara Commonwealth dan ada juga dihantar ke luar negeri beberapa orang pegawai-pegawai dan lain-lain jawatan menghadiri course-course, khasnya di Australia, New Zealand, India, Pakistan dan di United Kingdom. Jumlah Angkatan Tentera Bersenjata kita adalah kecil: ahli-ahli pasukan-pasukan tentera Laut dan Udara kita adalah muda-muda belaka, akan tetapi mereka telah menunjukkan kebolehan dan kecekapan mereka. Dua Battalion Askar Melayu yang asal telah menjalankan kewajipannya dengan beraninya dalam Perang Dunia yang Kedua. Pasukan Tentera Darat kita bertempur di medan peperangan sebelah menyebelah dengan tentera Berikat dalam tindakan-tindakan menentang penganas komunis dan telah menyumbangkan bahagian mereka terhadap usaha menamatkan darurat. Mereka sekarang ini sedang menjalankan Tindakan Di Sempadan Siam dengan Persekutuan, untuk menghapuskan saki-baki penganas-penganas komunis di situ.

Angkatan Tentera Udara juga telah mengambil bahagian dalam tindakan menentang penganas dan akan memikul beban sepenuhnya menjatuhkan bekalan dan menjalankan perhubungan dengan pasukan-pasukan di kawasan-kawasan yang tertentu. Angkatan Tentera Laut sekarang ini sedang menjalankan tugas meronda lautan di sepanjang pantai dan di sekeliling Tanah Melayu dan menjaga angkatan kapal penangkap ikan kita. Pendek kata, ketiga-tiga perkhidmatan-perkhidmatan tentera ini sedang memainkan peranan masing-masing dalam mempertahankan negara. Sebagai sebuah negara yang merdeka, akhirnya kelak bukan sahaja kita bertanggungjawab terhadap pertahanan negara kita sendiri tetapi juga mestilah menyumbangkan bahagian kita yang sewajarnya terhadap mengekalkan keamanan dunia. Kerajaan Persekutuan telah berikrar untuk membantu dan menyokong Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan telah berikrar, untuk memainkan peranannya dalam bidang mengekalkan keamanan dunia. Sebab itu, pada tahun 1960 manakala kekacauan berlaku di Congo, kita dengan serta merta mempersetujui untuk mengirinkan satu pasukan khas ke sana bagi membantu kembali keamanan di dalam negara kita. Sekarang, kita mempunyai sebuah ibu pejabat brigade di Congo yang mengandungi satu battalion seldadu berjalan kaki dan sepasukan tentera kereta perisai, berkhidmat di bawah Pemerintahan Bangsa-bangsa Bersatu di Congo. Askar-askar kita di sana

telah menunjukkan kelakuan baik mereka dan mendapat kepujian tinggi dari rakyat Congo serta juga mendapat penghormatan baik negara di dunia ini. Bahagian yang kita ambil terhadap usaha-usaha bersama untuk mengekalkan keamanan dunia adalah tidak seimbang dengan besar bilangan seldadu kita—dengan sekarang ini kita telah menghantar sesuku daripada jumlah kekuatan tentera kita—dan ini ialah satu tanda betapa kuat keyakinan kita terhadap cita-cita dan tujuan Bangsa-bangsa Bersatu serta peranannya dalam bidang menegakkan keamanan dunia.

Setelah kita mengetahui bagaimana askar-askar kita memenuhi tanggungjawab mereka dalam soal mempertahankan negara kita dan menegakkan keadilan dan ketenteraman hingga kita semua dapat bergerak menjalankan kewajipan kita dengan aman dan sempurna, marilah kita mengenangkan mereka itu dan memperingati pengorbanan yang dibuat oleh mereka. Juga marilah kita kenangkan perajurit-perajurit kita yang berkhidmat dalam pasukan bersenjata yang telah mengkorbankan jiwa mereka itu dalam tugas mempertahankan negara kita dan dalam mengekalkan ketenteraman dunia.

Marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah S. W. mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas roh mereka itu.